

21 NOV 1996

PIAGAM PASIFIK: KE ARAH PERKONGSIAN KEAMANAN DAN KESEJAHTERAAN

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Piagam Pasifik yang akan ditandatangani esok, menandakan suatu permulaan ke arah perkongsian keamanan dan kesejahteraan serta pengayaan budaya bersama antara Asia dan Amerika, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata piagam itu yang dihasilkan genap dua tahun selepas pelancaran Dialog Pasifik di Pulau Pinang pada 1994 bertujuan merapatkan jurang yang wujud kerana faktor geografi, budaya di samping ekonomi dan sejarah.

Anwar berkata demikian dalam perutusannya sempena Dialog Pasifik Ketiga yang bermula di sini hari ini.

Dialog dua hari itu dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebanyak 52 wakil dari 12 negara menghadiri dialog itu. -- BERNAMA
ZUL NMO